



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 26 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TVET PERTANIAN BUAH HASIL, AKADEMIA, HARIAN METRO - 33	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BINA KERJAYA AGRO MODEN, AKADEMIA, HARIAN METRO - 34	
3.	BERMULA DARI 6 KEPADA 60 SANGKAR KETAM LEMBUT, LOKAL, HARIAN METRO – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	100,000 BONGKAH CENDAWAN TIRAM JANA HASIL RM37,500 SEBULAN, LOKAL, HARIAN METRO – 9	LAIN-LAIN
5.	DURIAN DARI THAILAND BUKAN ASLI BALIK PULAU, NEGARA, KOSMO – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2025	HARIAN METRO	AKADEMIA	33

FOTO: SITI HANIZAH K. S. / HARIAN METRO
 ANTARA graduan yang menerima sijil pada majlis Konvokesyen Pertanian Ke-13 di Dewan Perdana Putrajaya International Convention Centre.

MENTERI
 Pertanian dan
 Keterjaminan
 Makanan,
 Datuk Seri
 Mohamad
 Sabu berucap
 pada majlis
 Konvokesyen
 Pertanian
 Ke-13

Oleh Suliati Asri
 suliati@hmetro.com.my

Kadar kebolehpasaran graduan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mencatat peningkatan kepada 78.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 72.3 peratus tahun sebelumnya. Selain itu, kadar kebolehpasaran graduan Sijil Kemahiran

TVET PERTANIAN BUAH HASIL

Kadar kebolehpasaran graduan meningkat, usaha KPKM mula tuai kejayaan

KPKM bagi memastikan graduan TVET Pertanian yang dilahirkan akan memenuhi keperluan tenaga mahir yang diperlukan industri. "Oleh itu, saya berharap kadar kebolehpasaran graduan tahun 2024 akan terus menunjukkan peningkatan dan melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu melebihi 80 peratus," katanya semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Pertanian KPKM ke-13, baru-baru ini. Berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), majlis penuh bermakna itu menyaksikan seramai 784 graduan menerima sijil dan diploma masing-masing.

Malaysia (SKM) tertinggi dicatatkan bagi bidang poltri iaitu 95.7 peratus, pengeluaran padi 95.5 peratus, ruminan 86.6 peratus, akuakultur marin 84.6 peratus dan pengeluaran makanan 83 peratus. Graduan Sijil Veterinar Malaysia juga mencatatkan kadar kebolehpasaran yang tinggi iaitu pada kadar 83.7 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia membuktikan latihan yang dilaksanakan menepati kehendak pasaran serta keberkesanan inisiatif Kementerian dalam memastikan graduan TVET memenuhi keperluan industri pertanian negara. "Pelbagai aktiviti serta program sudah dan akan dilaksanakan

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

> 34

26/5/2025

HARIAN
METRO

AKADEMIA

34

DARI MUKA 33

BINA KERJAYA AGRO MODEN

TVET pertanian buka pintu kejayaan, peluang graduan dengan ilmu kukuh

Ini termasuk dua graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 392 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 361 orang graduan Sijil Pertanian, 17 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 12 orang graduan Sijil Perikanan yang masing-masing berjaya menamatkan pengajian di Institut Latihan TVET Pertanian (ILTP) bawah KPKM.

Mohamad berkata, bagi memperkasa latihan, sekali gus menarik lebih ramai belia dalam sektor agromakanan, KPKM menekankan penerapan teknologi baharu di dalam pengajaran dan pembelajaran serta menjalin kerjasama strategik bersama pihak swasta dan industri.

Pada 2024, KPKM memperuntukkan RM26.3 juta bagi penambahbaikan kemudahan di semua ILTP dan RM479,000 sudah dibelanjakan di bawah program makianisasi dan automasi.

Tahun ini, peruntukan bagi program mekanisasi dan automasi ditingkatkan kepada RM1.35 juta iaitu peningkatan 182 peratus bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran pelatib dan pelajar berada di tahap yang terbaik, katanya.

Sejak diperkenalkan pada 1969, KPKM berjaya melahirkan 25,585 orang graduan terlatih dalam bidang pertanian.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian KPKM, Hizatul Haliza Hashim

berkata, program TVET pertanian ditawarkan secara percuma kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan belia berusia 18 hingga 25 tahun.

"Kami menawarkan 10 bidang persijilan kemahiran iaitu Tanaman, Ternakan Ruminan, Ternakan Poltri, Teknologi Perikanan Tangkapan, Akuakultur Marin, Akuakultur Air Tawar, Pengeluaran Padi, Pemasaran, Pemprosesan Makanan dan Penyenggaraan Jentera Kecil Pertanian."

"Manakala tiga persijilan daripada jabatan di bawah KPKM iaitu Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan turut ditawarkan."

"Di sini, pelajar bukan sahaja tidak perlu membayar yuran pengajian, malah turut menerima elaun bulanan sepanjang tempoh latihan," katanya.

Bagi memastikan program latihan kekal relevan dan berdaya saing dalam era Revolusi Industri (IR) 4.0 serta pembangunan digital ini, Hizatul berkata, pihaknya sentiasa mengemaskini kandungan latihan supaya sejajar dengan kehendak industri dan

teknologi semasa.

"Kami menerapkan elemen IR 4.0 dalam latihan, termasuk penggunaan teknologi automasi dan digitalisasi dalam sektor pertanian," katanya.

Selain itu, menurut Hizatul, KPKM turut menjalin kerjasama rapat dengan pemain industri bagi memastikan setiap program yang ditawarkan benar-benar memenuhi keperluan semasa pasaran kerja.

"Proses merangka kurikulum bukan hanya di peringkat kementerian, tetapi kami bawakan industri untuk mendapatkan maklum balas dan input terus dari lapangan."

"Industri lebih tahu secara mendalam kemahiran apa yang mereka perlukan. Kalau kami buat sendiri, mungkin ada perkara yang kami terlepas pandang," katanya.

Katanya, kurikulum juga disemak semula setiap lima tahun atau lebih awal jika perlu, terutama bila ada perkembangan teknologi baru supaya kekal relevan dengan keperluan semasa.

"Kami juga bekerjasama dengan universiti dan kolej untuk dapatkan input terkini dari segi teori dan pendekatan baharu."

"Gabungan pandangan industri dan akademik ini penting untuk pastikan latihan berdaya saing," katanya.

Sempena Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-13 ini, KPKM turut menganjurkan program padanan kerja khas untuk graduan meneroka peluang pekerjaan. Latihan industri atau melanjutkan pelajaran.

Program ini membabitkan penyertaan daripada pelbagai syarikat industri dan institusi pendidikan, antaranya Green World Genetics Sdn Bhd (GWG), Alam Sekitar Malaysia Sdn Bhd (ASMA), Zaiyad Sdn Bhd (ZTSB), Selasih Aman Sdn Bhd, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kolej FELCRA, Hajjah Aminah Food Industries Sdn Bhd (HAFI), Perubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agrobank dan Dinn Sheng Aquaculture.

Penerima Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Nurul Aini Maisyarah Abdul Razib, 24, bersyukur dan bangga apabila menerima dua anugerah atas pencapaian

sepanjang pengajiannya.

Bagi graduan Sijil Veterinar Malaysia ini, kejayaan itu bukan milik dirinya seorang, tetapi mewakili usaha dan semangat rakan-rakan sepejuangan.

"Sepanjang pengajian di Institut Veterinar Malaysia, banyak perkara yang kami pelajari dan lalui. Ini termasuk mengendalikan lembu dewasa dan belajar menggunakan mesin rumput."

"Anugerah ini membuktikan pengorbanan selama dua tahun ini tidak sia-sia dan kejayaan ini juga adalah hasil usaha bersama," katanya.

Nurul Aini Maisyarah yang kini adalah usahawan penternakan lembu mengukir dirinya bermula tanpa sebarang asas dalam bidang penternakan.

Namun, selepas mengikuti program TVET Pertanian, dia berjaya mempelajari pelbagai ilmu yang kini diaplikasikan sepenuhnya dalam operasi ladangnya.

"Kami belajar secara seimbang, 40 peratus teori dan 60 peratus amali. Setiap subjek ada bahagian praktikal, jadi sangat membantu untuk faham

secara menyeluruh," katanya.

Penerima Anugerah Khas Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian serta Anugerah Khas Usahawan Agrobank, Muhammad A'ul Yaghi Mohd Shukry berkata, video latihan amali pelajar di ladang ayam moden yang ditontonnya di aplikasi Tik Tok menjadi titik mula dia menyertai program TVET Pertanian.

Menurutnya, keputusan menyertai program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, iaitu Sijil Operasi Ladang Poltri di Institut Teknologi Unggas ternyata langkah terbaik kerana bukan sahaja mendapat ilmu, malah membolehkannya terus mengusahakan penternakan lembu dan ayam secara serius.

"Program ini banyak mengajar saya aspek praktikal, dari pengurusan ladang ayam, pengajaran anak ayam, kawalan penyakit, sampai ke penggunaan teknologi pemantauan suhu dan kos operasi harian."

"Saya juga menakl taraf reban yang dulunya sangat biasa tetapi kini lebih tertutup dan dilengkapi tempat minum dan bertelur," katanya yang menyuar golongan muda sertai TVET Pertanian ini.

Sementara itu, penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan, Mohamad Ajmal Azri, 27, menganggap program TVET Pertanian sebagai platform terbaik untuk membina asas kukuh dalam bidang agromakanan.

Menurutnya yang kini bergelar usahawan ternakan ikan sangkar, keputusan melanjutkan pengajian dalam program Sijil Perikanan di Akademi Perikanan Malaysia nyata tidak sia-sia kerana segala ilmu yang diperoleh dapat terus diaplikasikan dalam kerjaya sebenar.

"Antara ilmu paling penting yang dipelajarinya adalah teknik pemberian makanan ikan yang betul serta cara mengekalkan kualiti air supaya ikan sihat dan tidak mudah mati."

Selain itu, subjek yang dipelajari tidak terlalu susah. Apa yang penting ialah minat, rajin bertanya dan selalu mempraktikkan ilmu yang diajar untuk betul-betul faham dan mahir," katanya.



MOHAMAD (empat dari kanan) bergambar bersama graduan yang menerima anugerah khas pada majlis Konvokesyen Pertanian Ke-13.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Bermula dengan hanya enam petak sangkar tanpa kurus atau bimbingan formal pada November 2013, pengusaha akuakultur dari Sandakan, Sabah, Suhaili Firdausi Abdurrahman kini mampu tersenyum bangga apabila berjaya mengembangkan projek ternakan ketam lembut dan kerapu hibrid miliknya ke pasaran tempatan.

Suhaili yang mengusahakan ternakan itu di Kampung Bambangan, Sandakan turut menternak kupang serta menjalankan inisiatif agropelancongan di kawasan sekitarnya.

Katanya, bantuan kerajaan yang pertama kali diterima adalah daripada Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Program Pelan Pengusaha Akuakultur Contoh Disasarkan (PLACD) pada 2017 yang berlangsung selama lima tahun.

"Selepas itu saya mendapat bantuan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kawasan Sandakan dan menerima pembiayaan sebanyak RM100,000 (TPUP) dan meluaskan serta menambah lagi perusahaan saya.

"Dulu saya mulakan sendiri ternakan ketam lembut ini dan sekarang sudah ada 60 petak sangkar di tanah berkeluasan 15,000 kaki persegi hanya untuk ketam lembut," katanya ke-



KETAM lembut diternak Suhaili.



SEBAHAGIAN sangkar ketam lembut dan kerapu hibrid.

SUHAILI menunjukkan sangkar ketam lembut miliknya di Kampung Bambangan, Sandakan.



BANCI PERTANIAN 2024 DOSM

Bermula dari 6 kepada 60 sangkar ketam lembut

Pengusaha ketam lembut, kerapu hibrid sasar pengeluaran sehingga 3 tan sebulan

pada Harian Metro.

Katanya, sokongan pelbagai agensi kerajaan dan juga maklum balas daripada Banci Pertanian 2024, bukan sahaja memudahkan pengurusan operasi, tetapi turut menyumbang kepada peningkatan hasil yang ketara bagi perusahaannya.

Suhaili antara responden terpilih dalam Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOSM) yang menjadi inisiatif penting negara bagi mengumpul data menyeluruh berkaitan sektor pertanian, termasuk akuakultur.

Banci itu yang bertujuan mendapatkan gambaran sebenar struktur, prestasi dan keperluan semasa sektor ini, sekaligus menjadi rujukan utama dalam merangka dasar, strategi pembangunan serta agihan sumber pada masa akan datang.

Suhaili berkata, pelaksanaan banci itu amat penting bukan sahaja untuk menambah baik dasar pertanian, tetapi juga membantu memberi suara

pengusaha kecil seperti-

nya. "Saya harap banci ini dapat membantu dan mendengar suara usahawan kecil seperti kami sampai kepada pembuat dasar kerana kami memerlukan sokongan berterusan terutama dari segi infrastruktur, modal dan juga sumber benih yang kini makin sukar diperolehi," katanya.

Beliau turut menyuarakan aspirasi melebarkan

pasaran ke luar negara, namun mengakui berdepan beberapa cabaran termasuk kekurangan benih berkualiti serta isu logistik.

Melalui Banci Pertanian 2024 ini, Suhaili turut menyuarakan hasrat supaya lebih banyak program latihan, insentif dan penyer-taan generasi muda dapat diwujudkan bagi memastikan kesinambungan industri ternakan ketam lembut.

"Saya lihat ramai anak muda masih tidak tahu potensi sebenar industri ni. Kalau ada program pelapis atau insentif khusus, saya yakin industri akuakultur kita boleh pergi jauh," ujar-

nya penuh harapan.

Dengan keluasan ladang mencecah 100 kaki persegi khusus untuk ketam lembut dan kerapu hibrid sahaja, Suhaili menyasarkan penghasilan ternakannya mampu mencecah 2 hingga 3 tan sebulan (ketam lembut).

Banci Pertanian 2024 dilancarkan pada 4 Julai tahun lalu bagi membangunkan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu (MySAGR) dan boleh diintegrasikan dengan data pentadbiran daripada Kementerian serta agensi berkaitan, bagi menghasilkan pangkalan data lebih komprehensif dan bersepadu.

"Saya harap banci ini dapat membantu dan mendengar suara usahawan kecil"
Suhaili

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9

100,000 bongkah cendawan tiram jana hasil RM37,500 sebulan

Bintulu: Berbekalkan modal RM1.5 juta sejak lima tahun lalu, seorang pengusaha tanaman cendawan tiram tempatan Jong Siew Kuen, 41, kini bangga dengan pencapaiannya yang mampu menjana pendapatan sehingga RM37,500 sebulan.

Bermula 60,000 bongkah beg, tanaman cendawan diusahakannya bertambah sehingga 100,000 bongkah beg dengan setiap satu bongkah berupaya menghasilkan sekitar 80 gram cendawan setiap kali tuaian.

"Setakat ini, perusahaan tanaman cendawan ini dibantu oleh lima pekerja yang mana saya dan suami turut bersama-sama menguruskan premis tanaman cendawan ini," katanya.

Beliau yang mengusaha-



SIEW Kuen menunjukkan tanaman cendawan tiram diusahakan.

kannya tanaman itu bersama suaminya berkorban masa dan modal untuk memastikan ia membuahkan hasil.

"Minat yang mendalam terhadap tanaman cendawan tiram ini dan pada masa sama antara sumber protein tinggi menyebabkan saya nekad mencuba

dalam bidang perusahaan ini," katanya.

Menanam cendawan seperti memelihara anak kecil kerana ia memerlukan penjagaan rapi dan perlu disiram sekurang-kurangnya tiga kali sehari.

Justeru itu jelasnya, kerja penanaman serta penjagaan cendawan memerlukan



kesabaran serta ketekunan yang tinggi.

Mengenai cabaran dihadapi sepanjang lima tahun mengusahakan tanaman cendawan ini, Jong berkata bahawa beliau dan suami pernah mengalami kerugian besar sebanyak RM130,000 pada tahun 2022 kerana ladang terna-



kan diserang dan dijangkiti bakteria.

"Semua ini menyebabkan semua bongkah cendawan terpaksa dibuang dan kawasan terjejas disanitasi sebelum menjalankan kerja-kerja penanaman semula," jelasnya.

Menurutnya buat masa sekarang, tanaman kulat



Perusahaan tanaman cendawan ini dibantu oleh lima pekerja yang mana saya dan suami turut bersama-sama menguruskan premis"

Siew Kuen

diusahakannya dipasarkan ke Bintulu, Miri dan negara jiran Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut berhubung perusahaan kulat yang diusahakan ini mereka boleh berhubung dengan Perfect 10 Fresh Mushrooms Sdn Bhd 013-8142569 atau layari laman Facebook mereka di <https://www.facebook.com/sha-re/16fvEP4QUc/>.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/5/2025	KOSMO	NEGARA	11

Durian dari Thailand bukan asli Balik Pulau

SAUDARA PENGARANG,

MUSIM durian Balik Pulau sudah bermula. Rata-rata peniaga mula memperkenalkan aneka raja buah daripada jenis kampung, premium sehinggalah kepada super premium.

Pengusaha kebun mula mendirikan khemah atau pondok untuk pelanggan mereka berhampiran dusun durian, malah ada juga memasarkan di sepanjang jalan laluan awam.

Apa yang dirisaukan, ada peniaga luar dan bukan asal dari Pulau Pinang turut mengambil peluang menjual durian di tepi jalan. Ini berdasarkan dialek atau bahasa yang mereka gunakan.

Bila disoal, mereka mengaku buah yang dijual adalah

dari dusun di Balik Pulau dan bukannya buah import dari Thailand. Mereka juga mendakwa durian yang dijual adalah unik kerana bekalannya tidak akan putus meskipun musim durian berakhir. Sedangkan pengeluaran buah durian Balik Pulau adalah bermusim.

Sebagai pengguna, saya menggesa pihak berwajib memantau perkara tersebut supaya tidak berlaku penipuan dan eksploitasi terhadap durian tempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang sememangnya menjejaskan industri serta pengusaha atau peniaga tempatan.

LIZZ DURON
Balik Pulau



DURIAN Balik Pulau mempunyai peminatnya yang tersendiri kerana rasa dan isinya yang enak.